

ALAM ISLAM

SAUD ABĀD

Sebuah bandar kecil sedang di dirikan di Pakistan untuk orang-orang perpindahan dan diberi nama: “Saud Abād” kerana mengambil nama Malik Saudi Raja Saudi Arabiyah yang telah menderma kerananya sebanyak satu setengah juta rupee. Orang-orang perpindahan telah pun menduduki bangunan-bangunan yang telah selesai binaannya.

Sementara itu dalam lawatannya ke India baru-baru ini. Baginda telah menderma setengah juta rupee untuk kebajikan masyarakat ke India terutama untuk sekolah-sekolah Islam dan pertubuhan alim ulama.

*

KEKEJAMAN YAHUDI

Di dalam kitab sejarahnya, panggil yang kedelapan yang baru terbit, Tuan Toynbee ahli sejarah Inggeris yang berkenaan dengan kemalangan yang telah menimpa Palestin. Toynbee mensifatkan Yahudi Israel kejam dan akan kecewa juga akhirnya.

*

BAHASA ARAB DAN BANGSA-BANGSA BERSATU

Beberapa buah Negara Arab telah menyatakan akan menarik diri dari menjadi ahli “badan kesihatan” bangsa-bangsa bersatu sekiranya tentunya tidak dipenuhi. Mereka menuntut supaya bahasa Arab menjadi salah satu bahasa rasmi badan tersebut iaitu sama setaraf dengan bahasa Inggeris dan Perancis.

Negeri-negeri Saudi Arabia, Yaman, dan Libya telah menyampaikan ke pengetahuan “Badan Kesihatan” bangsa-bangsa bersatu (cawangan tempatan yang terletak di Iskandariah) bahawa mereka tidak ada persediaan menerima sebarang maklumat dari badan itu yang ditulis selain dari bahasa Arab.

*

DEGREE DOKTOR

Lembaga Negara-negara Arab telah mengurniakan Degree Doktor kepada

al-Ustaz Fuad Muhammad Fakhruddin setiausaha muda di kedutaan

Indonesia di Karachi

kerana mengakui bukunya yang telah dikarang dalam

bahasa Arab di Rihal Indonesia, mengenai sejarahnya, perjuangan kemerdekaan ahli-ahli persuratan.

Terlebih dahulu daripada itu Universiti Karachi telah mengurniakan kepada beliau shahādah istimewa setelah memeriksa buku yang tersebut dan menguji beliau dalam suatu majlis khas yang terdiri daripada alim ulama, dan ahli-ahli persuratan. Majlis itu dipengerusikan oleh al-Sayyid ‘Abd al-Qādir al-Jīlānī duta Iraq di Pakistan.

Ustaz Fuad Fakhruddin ialah salah satu seorang dari orang-orang bijak pandai Indonesia yang pilihan, yang terpelajar dan luas pengetahuannya dalam pengajian Islam.

*

DANTE DAN BUKU “NERAKA”NYA

Jamiah ulama, Pakistan telah membantah keras dan menuntut supaya pemerintah merampas buku yang bernama “Neraka” karangan Dante.



Buku ini ialah terjemahan bahasa Inggeris, mengandungi penghinaan kepada junjungan kita Nabi Muhammad SAW dan juga penghinaan kepada Saidina Ali karam Allah wajhah.

*

PUAK BAHĀ' DIBURU

Satu rombongan alim ulama Pakistan telah belayar ke Iran dengan tujuan hendaklah memberi tahniah kepada Syah Iran yang telah bertindak memburu dan memusnahkan "Puak Baha" yang sesat itu dari fikiran Iran.

*

DAR LAKASULIKA

Dalam masa umat Islam Indonesia sedang berjuang bermatian hendak menjadikan Indonesia sebuah negara Islam, kedengaran pula suara kaum Kasulika menuntut "Negara Kasulika" (Dar Lakasulika) sebagai kesan balasan kepada gerakan "Darul Islam"

Gerakan Kasulika ini telah mendapat pertentangan yang besar dari umat Islam, kerana jumlah kesemua kaum Kristian dan Indonesia masuk puak Kasulika hanya kira-kira dua peratus daripada jumlah bangsa Indonesia seluruhnya.

Pertentangan yang hebat itu telah menjadikan ketua parti Kasulika mengeluarkan kenyataan khas, menerangkan bahawa partinya tidak bertujuan hendak menjadikan Indonesia Negara Kristian atau Negara mazhab Kasulika tetapi ia harap supaya mendapat hak-haknya sebagai sebuah

parti politik dan menuntut supaya diberikan peluang menjadikan pemerintahan bersama. Demikian menurut A.P. B. Jakarta.

*

AHMAD HUSIN AL-BAKHURI

Setelah melawat Indonesia dan negeri China, Al-Sheikh Ahmad Al-Bakhuri, menteri Mesir baru-baru ini telah menyusun sebuah kitab darihal Islam yang menghuraikan hakikat Islam dan tujuannya yang sejati. Kitab ini telah dicetak sebanyak dua juta naskah.



*

PEREMPUAN DAN PARLIMEN

Tidak ada seorang perempuan yang telah terpilih menjadi anggota parlimen Pakistan yang baharu. Pada masa yang lalu parlimen Pakistan hanya mempunyai seorang anggota parlimen.

*

DARUL AL-HADIS

Pertubuhan "Hizbu Allah" (Parti Allah) Indonesia telah membuka sebuah kolej ilmu hadis. Kolej ini menerima murid-murid lepasan sekolah menengah Islam dan memberikan pelajaran selama tiga tahun. Kolej Hadis Indonesia ini terhitung kolej yang kelima di dalam ilmu Islami yang khas dengan pelajaran hadis.